(18 Januari 2021) Utusan Malaysia, p.4.



Covid-19

(18 Januari 2021) Utusan Malaysia, p.5



| Negeri / Daerah | Kes |
|---|---|
| **KEDAH** | **782** |
| Kota Setar | 197 |
| Kuala Muda | 256 |
| Kubang Pasu | 44 |
| Baling | 82 |
| **PERLIS** | **39** |
| **PULAU PINANG** | **2,134** |
| Seberang Perai | 256 |
| Timur Laut | 541 |
| Barat Daya | 898 |
| **PERAK** | **763** |
| **KUALA LUMPUR** | **3,858** |
| **PUTRAJAYA** | **258** |
| **SELANGOR** | **12,339** |
| Hulu Langat | 2,324 |
| Petaling | 1,744 |
| Klang | 4,901 |
| Kuala Langat | 665 |
| Hulu Selangor | 144 |
| Sepang | 1,080 |
| Gombak | 1,064 |
| **NEGERI SEMBILAN** | **1,774** |
| Jelebu | 498 |
| Seremban | 902 |
| Port Dickson | 265 |
| Rembau | 38 |
| **MELAKA** | **548** |
| **KELANTAN** | **959** |
| Kota Bharu | 288 |
| Bachok | 126 |
| Gua Musang | 122 |
| Kuala Krai | 79 |
| Pasir Mas | 37 |
| **TERENGGANU** | **387** |
| Besut | 44 |
| Dungun | 86 |
| Kuala Terengganu | 194 |
| Marang | 13 |
| Kuala Nerus | 20 |
| **JOHOR** | **6,687** |
| Johor Bahru | 2,151 |
| Muar | 1,907 |
| Kota Tinggi | 361 |
| Kulai | 1,219 |
| **PAHANG** | **581** |
| Kuantan | 100 |
| Bentong | 354 |
| Temerloh | 45 |
| Maran | 29 |
| Pekan | 10 |

**KES COVID-19 (17 JANUARI 2021)**

**KES BAHARU**
**3,339**

TEMPATAN 3,324 | IMPORT 15

**KLUSTER BAHARU**
**10**

**MATI**
**7**

# Taburan kes

**4-17 Januari**
SEMENANJUNG MALAYSIA

BILANGAN KES POSITIF
**37,864**

**3-16 Januari**
SABAH DAN SARAWAK

BILANGAN KES POSITIF
**36,495**



| Negeri / Daerah | Kes |
|---|---|
| **SABAH** | **5,775** |
| Kudat | 175 |
| Sandakan | 408 |
| Tawau | 607 |
| Kunak | 183 |
| Kota Kinabalu | 1,053 |
| Semporna | 59 |
| **LABUAN** | **179** |
| **SARAWAK** | **801** |
| Kuching | 58 |
| Miri | 142 |
| Sibu | 515 |
| Bintulu | 28 |

# Serius PKP atau semua negeri zon merah – Noor Hisham

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** "Tiba masanya untuk semua orang mengambil serius mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), jika tidak, adalah tidak mengejutkan untuk semua negeri menjadi zon merah."

Itu peringatan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berikutan peningkatan kes positif Covid-19 yang berterusan.

Menerusi Facebooknya, beliau berkata, sekiranya setiap orang tidak patuh PKP dengan duduk di rumah, keadaan terburuk akan terus berlaku.

Di semenanjung, hanya daerah Hulu Terengganu dan Cameron Highlands kekal hijau manakala di Sarawak, tiga daerah telah memasuki zon merah setakat semalam.

Menurut beliau, semalam Malaysia merekodkan kes harian 3,339 kes iaitu turun sedikit berbanding kelmarin 4,029 kes.

Jumlah itu menjadikan kes positif negara kini berjumlah 158,434 kes manakala jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan 37,782 kes.

> **"Tiba masanya untuk semua orang mengambil serius Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), jika tidak, adalah tidak mengejutkan untuk semua negeri menjadi zon merah."**
>
> NOOR HISHAM ABDULLAH

Kata Dr. Noor Hisham, terdapat 240 kes positif dirawat di unit rawatan rapi dengan 93 kes memerlukan bantuan pernafasan, tujuh kematian dan 10 kluster baharu.

Selangor terus menjadi negeri tertinggi kes baharu iaitu 1,314 kes diikuti Sabah, 393 kes; Johor, 362 kes; Kuala Lumpur, 334 kes; Negeri Sembilan, 236 kes; Pulau Pinang, 120 kes; Kelantan, 114 kes dan Perak, 107 kes.

Kata beliau, negeri lain pula, merekodkan purata penambahan kes sebanyak dua angka.

"Bagi kes sembuh, Malaysia merekodkan sebanyak 2,676 kes yang menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih kini sebanyak 120,051 kes.

"Sebanyak 292 kluster aktif dipantau dan daripada jumlah itu, sebanyak 86 kluster melaporkan pertambahan kes.

"Kluster-kluster direkodkan ada kes baharu tertinggi ialah Kluster Tapak Bina Lebuh (253 kes), Kluster Jalan Rantau-Siliau (96 kes) dan Kluster Penjara Jalan Harapan (94 kes)," katanya.

Mengulas mengenai 10 kluster baharu, Noor Hisham berkata, terdapat enam kluster berkaitan tempat kerja iaitu Kluster Jalan Pandai Indah di Hulu Langat, Selangor, seramai 77 individu positif, Kluster Jalan Taman Mawila di Kota Kinabalu, Sabah, seramai 15 orang positif dan Kluster Jalan Perak di Johor Bahru, Johor mempunyai 35 kes positif.

Tiga lagi ialah dua kluster di Kuala Lumpur membabitkan Kluster Jalan Menerung di Lembah Pantai dengan 23 kes positif dan Kluster Tapak Bina Jalan Yap di Titiwangsa seramai 21 kes positif manakala Kluster Jalan Mohammed Salleh di Labuan mempunyai 12 kes positif.

"Kluster DTI Sepang 2 adalah kluster pusat tahanan di Sepang, Selangor mempunyai 80 kes positif manakala Kluster Taman Ikan Jinak pula adalah kluster berkaitan majlis hari keluarga melibatkan Tuaran dan Kota Belud, Sabah, 21 kes positif.

"Satu kluster rentas negeri dari Selangor iaitu Kluster Rantau Lada melibatkan Temerloh dan Maran di Pahang, 19 kes positif manakala Kluster Pantai Peringgit adalah hasil saringan individu bergejala melibatkan Melaka Tengah dan Jasin, Melaka dikesan 24 kes positif," katanya.

Tambahnya, tujuh kematian membabitkan tiga lelaki dan empat wanita termasuk satu warga asing berusia 32 hingga 93 tahun.



**PELANCONG berjalan di kawasan *'River of Life'* di belakang Bangunan Sultan Abdul Samad di ibu negara yang sepi semalam selepas kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 13 hingga 26 Januari 2021. – UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI**

# Pasar Borong KL tutup, bekalan ikan dijangka berkurangan

**KUALA LUMPUR:** Pasar Borong Kuala Lumpur (KL) ditutup lima hari mulai hari ini hingga Jumaat berikutan berlaku kes positif Covid-19 dalam kalangan pekerjanya.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur, Ariffin Samsuddin berkata, penutupan tersebut inisiatif persatuan pasar borong itu sendiri kerana dikhuatiri kes akan meningkat selepas keputusan saringan diterima nanti.

Menurut beliau, penutupan itu diramak akan mengakibatkan kekurangan bekalan ikan kerana pasar borong berkenaan adalah pusat pembekalan makanan laut utama di Lembah Klang.

"Bagaimanapun, pengguna tidak perlu bimbang kerana mereka masih boleh mendapatkan bekalan ikan di pasar raya dan pasar borong lain seperti Chow Kit, Sentul dan Selayang.

"Harga ikan seperti kembung dan selar masih berpatutan jadi diharap tidak timbul isu daripada penutupan tersebut," katanya.

Ariffin berkata demikian selepas melakukan pemeriksaan barangan keperluan pengguna semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di pasar raya di Kepong dekat sini semalam.

Menurut Ariffin, pihaknya turut dipertanggungjawabkan melakukan pemantauan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) PKP terhadap 37 pusat beli-belah dan pasar raya di ibu negara.

"Jika terdapat pelanggaran SOP, amaran dan kompaun akan dikenakan namun jika masih berterusan, pusat beli-belah itu diarah tutup," jelasnya.

Ariffin berkata, sejumlah 87 premis perniagaan diperiksa dalam tempoh PKP bagi memastikan pematuhan undang-undang dan tidak berlaku kenaikan harga barang mendadak.

Tambah beliau, sepanjang pelaksanaan, sebanyak 50 aduan diterima di Kuala Lumpur melibatkan 12 aduan berkaitan harga dan bekalan; 13 aduan terhadap perkhidmatan dalam talian; 10 aduan ke atas perkhidmatan mengelirukan dan 15 aduan berhubung perkara-perkara lain.